

DATE: 27/6/2008

Penjenamaan semula BN

Um - 27/6/2008

KUALA LUMPUR 26 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan penubuhan empat jawatankuasa khas memperkasa Barisan Nasional (BN) termasuk merangka strategi bagi penjenamaan semula parti pasca Pilihan Raya Umum ke-12.

Perdana Menteri berkata, penubuhan kesemua jawatankuasa itu juga adalah sejajar dengan usaha penting untuk mempertingkatkan hubungan antara parti-parti komponen.

Kata beliau, empat jawatankuasa itu ialah Jawatankuasa Kerangka Penyelidikan Untuk Penjanaan Semula BN yang dipengerusikan oleh bekas Menteri Besar Terengganu, Datuk Idris Jusuh, Jawatankuasa Memperkasa Pentadbiran BN oleh Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M Kayveas.

Dua lagi jawatankuasa katanya, ialah Penjenamaan Semula dan Sistem Penyampaian Khidmat Awam yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung Pemuda MCA, Dr. Wee Ka Siong dan Jawatankuasa Pengaruh Media dan Penghakisan Jenama BN oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak, Datuk Seri Mohamad Asfia Awang Nasar.

"Wakil daripada Pergerakan Wanita dan Pemuda akan menyertai setiap kumpulan (jawatankuasa) dan ahli setiap kumpulan boleh ditambah ikut kesesuaian," katanya kepada pemberita selepas mempengerusi-

kan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) malam ini.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata, penubuhan empat jawatankuasa itu adalah perkara penting yang diputuskan untuk memperkukuhkan parti.

Dalam pada itu, beliau berkata, mesyuarat kali ini turut memberi perhatian terhadap isu-isu dan perkara yang dibangkitkan tentang pembangunan di Sabah dan Sarawak terutama berkaitan pembentangan usul kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Dalam perbincangan tadi, saya dimaklumkan usaha-usaha akan diteruskan untuk tingkatkan pembangunan di Sabah dan Sarawak di mana pembangunan di kawasan-kawasan pedalaman diberikan perhatian," katanya.

Tambah beliau, Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak akan mempengerusikan sebuah mesyuarat khas untuk mempertimbangkan beberapa perkara bagi meningkatkan penyertaan dan status pembangunan kaum India di negara ini.

"Datuk Seri Samy Vellu (Presiden MIC) akan turut hadir (dalam mesyuarat berkenaan) mewakili kaum India," katanya.

Katanya, Najib yang mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet Menangani PATI akan memanggil mesyuarat pemimpin parti komponen BN Sabah dan Sarawak bagi merangka strategi menangani masalah itu.



ABDULLAH Ahmad Badawi berseloroh dengan Presiden PBS, Pairin Kitingan (kanan) sambil diperhatikan Presiden SUPP, George Chan (kiri) dan Presiden LDP, VK Liew sebelum mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional di PWTC, Kuala Lumpur, malam tadi.

- Gambar ASWAD YAHYA